

# Tepati piawaian ditetapkan

PADA Mac 2011, Suruhanjaya Tenaga mengeluarkan pekeliling mengenai penetapan kaedah pemasangan sistem perlindungan petir di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta di negara ini.

Arahan mengenai penetapan kaedah pemasangan, reka bentuk dan penyelenggaraan itu membuktikan kerajaan tidak ketinggalan dalam usaha meningkatkan teknologi perlindungan petir.

Bahkan, pekeliling yang mengikut piawaian antarabangsa MS IEC 62305 (Perlindungan daripada kilat) itu merupakan antara yang pertama dikeluarkan di negara-negara membangun.

Langkah itu diharap akan menyelesaikan masalah penggunaan sistem perlindungan petir yang tidak menepati piawaian di bangunan-bangunan di negara ini termasuk bangunan kerajaan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM), kurang daripada 20 peratus bangunan di negara ini dilengkapi sistem perlindungan petir yang mematuhi piawaian antarabangsa.

Selebihnya adalah sistem yang dipasang oleh vendor yang gagal menepati spesifikasi. Masalah itu dikatakan berpunca daripada pemilihan sistem perlindungan oleh pihak syarikat yang tidak mempunyai pengetahuan dalam aspek teknikal dan tidak mempunyai latar belakang sains.

Lebih teruk apabila ada pihak pemasang yang terlalu mengutamakan keuntungan sehingga sanggup menipu pelanggan dengan penjualan alat perlindungan bukan konvensional.

Timbalan Pengarah Perundingan dan Perkhidmatan, Prof. Dr. Chandima Gomes berkata, kajian di rantau ini mendapati walaupun kebanyakan premis dilengkapi sistem perlindungan petir, ramai yang tidak dapat memberi penerangan atau mendedahkan dokumen untuk tujuan penilaian.

“Dalam kebanyakan kes, apa yang ditawarkan oleh vendor adalah ‘pakej’ yang tidak berfungsi dengan baik dan kadang-kala mengundang bahaya,”katanya.